

12 SEP 2003

Bajet-Belia

RM300 JUTA UNTUK LAKSANA PROGRAM KHIDMAT NEGARA

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan akan mula melaksanakan Program Khidmat Negara melibatkan 100,000 belia bertujuan melengkapkan mereka dengan jati diri yang unggul.

Perdana Menteri berkata sebanyak RM300 juta disediakan di bawah Bajet 2004 yang dibentangkannya di Dewan Rakyat di sini bagi melaksanakan program itu.

"Kandungan program ini dirangka bagi meliputi latihan asas ketenteraan, pendidikan sivik, pembentukan sahsiah dan perkhidmatan sosial dengan tujuan memupuk semangat kerjasama, perpaduan, integrasi nasional dan tingkah laku sihat," katanya.

Menyedari pentingnya golongan belia dalam pembangunan negara, ia memperuntukkan RM657.9 juta kepada Kementerian Belia dan Sukan.

Selain itu, Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan, berkata kerajaan akan menyediakan biasiswa bagi ahli sukan yang telah mengharumkan nama Malaysia untuk melanjutkan pelajaran di dalam atau luar negara bagi membolehkan mereka menjadi jurulatih atau pengurus dalam bidang yang mereka minati.

Langkah itu ialah bagi menghargai sumbangan mereka sehingga membolehkan rakyat Malaysia "to walk tall" (bermegah).

Perdana Menteri berkata kerajaan amat berterima kasih kepada semua pihak termasuk Kerajaan Negeri, sektor korporat dan badan bukan kerajaan yang telah memberikan pelbagai hadiah kepada juara sukan negara.

"Saya berharap mereka tidak terlalu terpengaruh dengan habuan ini tetapi terus berusaha untuk meningkatkan lagi pencapaian mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan berbangga dengan kejayaan demi kejayaan yang dicapai rakyat Malaysia di pentas antarabangsa seperti perenang maraton Datuk Abdul Malik Mydin yang menjadi warga Malaysia dan Asia Tenggara yang pertama untuk merentas Selat Inggeris baru-baru ini.

Kejayaan membanggakan turut dicapai pada kejohanan badminton All England dan World Badminton Championship, katanya.

"Pencapaian mereka ini bukan sahaja telah menambahkan lagi rekod kejayaan wira negara, bahkan membuktikan bahawa dengan disiplin, dedikasi dan semangat waja, rakyat Malaysia boleh mencapai kejayaan dalam apa jua bidang sekalipun," katanya.

Dalam pada itu, Dr Mahathir berkata kerajaan akan memulakan satu program bagi menyediakan kemudahan riadah sebagai satu keperluan wajib di semua projek pembangunan perumahan baru.

"Semua pihak berkuasa tempatan dikehendaki menyediakan kemudahan seperti taman, padang permainan dan kawasan rekreasi," dan menambah kata kerajaan akan menyediakan peruntukan permulaan RM50 juta untuk tujuan itu.

-- BERNAMA

MAM MUN PR